



SEDIA BERKHIDMAT:
(Dari kiri) Encik Norhisham, Encik Ismet dan Encik Najib akan bertugas untuk memastikan orang ramai dapat menyambut Syawal pertama dengan selesa tanpa sebarang gangguan elektrik. – Foto BH oleh ROSLEE ABDUL RAZAK

Siap ‘dikera’ jika ada kejadian bekalan elektrik terputus

► **FAKHRURADZI ISMAIL**
mfismail@sph.com.sg

SAMBUTAN Hari Raya mungkin tidak lengkap tanpa adanya cahaya lampu lap-lip berwarna-warni.

Selain dianggap sebagai perhiasan, ia juga menjadi penyeri suasana Lebaran di pekarangan rumah yang sedap dipandang mata tetamu yang berkunjung.

Namun bayangkan, sedang anda sibuk melayan tetamu, tiba-tiba bekalan elektrik di estet perumahan anda terputus dan seluruh rumah bertukar menjadi kelam.

Jika situasi sebegini berlaku, antara mereka yang pertama yang akan tiba ke lokasi adalah Encik Ismet Imran Chuma'ing dan pasukannya.

Dalam beberapa minit, beliau dan pasukannya dari Unit Penjana Bergerak SP Group akan ‘berkejar’ ke kawasan terjejas.

Mereka akan membawa bersama mereka penjana kuasa yang dipasang pada treler sepanjang 30 kaki yang menampung 2,000 liter diesel – cukup untuk menjana kuasa elektrik untuk estet perumahan sehingga lapan jam.

Tugas Encik Ismet memerlukan beliau untuk sentiasa bersedia 24 jam hampir setiap hari untuk dikera jika kejadian bekalan elektrik terputus di Singapura – termasuk pada hujung minggu dan juga cuti umum.

“Dalam menjalankan kerja kami, kami perlu sentiasa bersedia untuk bertindak pantas bagi memberi sokongan apabila berlakunya gangguan elektrik.

“Kadangkala, kami perlu kembali bekerja sewaktu hari cuti kami, untuk memberi sokongan tambahan kepada pasukan bertugas jika kes itu rumit,” kata Encik Ismet, 47 tahun, Juruteknik Kanan, Operasi Elektrik di unit tersebut.

Terdapat sebanyak tujuh pasukan yang akan bertugas secara syif sepanjang lapan jam setiap masa dan setiap pasukan mempunyai tiga anggota.

Disebabkan jadual pekerjaan yang padat dan tidak menentu, Encik Ismet yang bertugas bersama Encik Norhisham Abdul Wahid, 35 tahun dan Encik Mohd Najib Jalil, 38 tahun dalam satu pasukan, juga terpaksa mengorbankan waktu bersama keluarga dalam menyambut Syawal pertama.

Tahun ini, giliran mereka untuk bekerja syif malam. Bagi mereka, ia bukanlah satu perkara yang baru

kerana sebelum ini mereka juga pernah bertugas ketika Hari Raya Aidilfitri.

“Sedih memang sedih tetapi kami sudah biasa kerana kami tahu ini tanggungjawab kami.

“Mujur tahun ini kami bertugas syif malam, jadi ada peluang untuk pergi solat Raya dan mengunjungi sanak-saudara lain pada sebelah siang.

“Kalau terpaksa bekerja syif pagi atau petang pada Hari Raya, kami akan memastikan kami memberitahu keluarga kami dan membuat perancangan yang sesuai.

“Kami bersyukur kerana keluarga kami semua faham akan pekerjaan kami ini,” kata bapa tiga orang anak berusia antara lapan dengan 17 tahun ini yang telah bekerja bersama SP Group selama 21 tahun.

Namun begitu, sambutan Syawal masih cukup meriah di pejabat mereka. Jamuan kuih serta hidangan Raya dibekalkan dari rumah untuk dikongsi bersama.

“Memang setiap raya menjadi kebiasaan kami untuk membawa hidangan lauk raya dan kuih ke pejabat...jadi tidak sunyi sangat dan masih ada ‘feel’ Hari Raya.

“Pernah juga sesetengah kami yang akan ke tempat kerja siap dengan berpakaian baju kurung dan sampung, lepas habis berjalan Raya.” seloroh Encik Ismet lagi.

“Sedih memang sedih tetapi kami sudah biasa kerana kami tahu ini tanggungjawab kami. Mujur tahun ini kami bertugas syif malam, jadi ada peluang untuk pergi solat Raya dan mengunjungi sanak-saudara lain pada sebelah siang. Kalau terpaksa bekerja syif pagi atau petang pada Hari Raya, kami akan memastikan kami memberitahu keluarga kami dan membuat perancangan yang sesuai. Kami bersyukur kerana keluarga kami semua faham akan pekerjaan kami ini.”

– Encik Ismet Imran Chuma'ing, Juruteknik Kanan, Operasi Elektrik di Unit Penjana Bergerak SP Group.